

Kuin buka pendaftaran ambilan asasi

ALOR SETAR - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) membuka pendaftaran pelajar baharu untuk ambilan Oktober 2014 Pengajian Asasi buat julung kalinya.

Tiga bidang pengajian ditawarkan adalah kursus Asasi Sains, Asasi Pengajian Islam dan Asasi Pengurusan.

Majlis berkenaan telah di-

rasmikan Pengarah Hal Ehwal Akademik Kuin, Ustaz Sayuthi Sanusi mewakili Rektor, Datuk Mohd Yusof Kasim.

Pada majlis itu, pelajar menghadiri sesi pendaftaran di bangunan Kulliyah Pusat Pengajian Asasi, sebelum menyertai taklimat bersama wari.

Dalam pada itu, pelajar dan

waris turut dibenarkan melawat asrama mereka di Taman Aman Perwira yang jaraknya terletak lebih kurang lima kilometer (km) dari kampus.

Kelas pengajian bermula 8 Oktober 2014 sempena cuti Aidiladha, manakala sesi pendaftaran pengajian asasi dilanjutkan hingga akhir Oktober ini.



Pelajar dan waris beramah mesra dengan kakitangan Kuin.